



KENYATAAN MEDIA

MCMC MENASIHATI ORANG RAMAI UNTUK TIDAK BERKONGSI GAMBAR ATAU VIDEO MANGSA MELIBATKAN TRAGEDI DI MERU, IPOH

CYBERJAYA, 18 DISEMBER 2023- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menghulurkan rasa simpati kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam tragedi yang membabitkan seorang pelajar sekolah di Meru, Ipoh.

MCMC ingin menekankan dan menasihati orang ramai tentang kepentingan untuk menghormati mangsa dan keluarga, serta pada masa sama, menunjukkan empati yang tinggi. Perkongsian gambar atau rakaman video mangsa tidak hanya akan melukakan perasaan keluarga mangsa, tetapi juga melanggar prinsip dan etika asas. Setiap individu harus membuat pertimbangan sewajarnya untuk tidak menyebarkan gambar atau kandungan berkaitan tragedi berkenaan.

Jika telah memuatnaik atau berkongsi gambar atau video daripada kejadian berkenaan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk menurunkan hantaran atau memadam kandungan berkenaan. Selain itu, semua pihak turut dinasihati untuk tidak membuat sebarang spekulasi memandangkan kes masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Sebarang perkongsian yang melibatkan gambar atau video tragedi berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV